

18 NOV 2000

Mahathir-rasuah

DR MAHATHIR MINTA ANGGOTA UMNO TOLAK RASUAH

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata amalan rasuah atau politik wang boleh menghancurkan Umno dan meminta anggota parti itu supaya mendedahkan mereka yang menghulurkan rasuah.

Dalam ucapan penuh emosi pada perhimpunan agung khas Umno untuk meminda perlembagaan parti, Perdana Menteri berkata jika anggota Umno sayangkan bangsanya, mereka harus menolak semua jenis tawaran rasuah termasuk melancong dan umrah.

"Sayanglah bangsa kita. Sayanglah anak cucu kita. Tolaklah rasuah. Dedahkan mereka yang menghulur rasuah. Dapatkan bukti yang cukup dan dedahkan mereka.

"Tolak semua yang berbau rasuah kerana bangsa...kerana bangsa kita akan menjadi hina, akan hancur," katanya selepas berhenti seketika kerana menahan sebak.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata pindaan perlembagaan Umno tidak dapat menyekat amalan rasuah jika anggota parti itu sendiri tidak menolak rasuah, sebaliknya menganggapnya sebagai amalan biasa.

Dr Mahathir memberi amaran kepada anggota Umno bahawa parti itu juga boleh hancur seperti kebanyakan parti politik yang sudah lama wujud kerana gagal membuat perubahan yang tepat dan menyesuaikan diri dengan keadaan baru.

Katanya pindaan perlembagaan yang dicadangkan ialah untuk menentukan perjuangan parti tidak diganggu oleh perubahan sikap yang sudah berlaku dalam parti dan masyarakat.

Beliau menasihatkan anggota parti itu supaya belajar daripada sejarah bahawa banyak tamadun manusia yang mencapai kecemerlangan kemudian merosot dan terus luput kerana mereka yang hanya mewarisinya hilang sifat pengasas perjuangan seperti sanggup menghadapi cabaran, berusaha bersungguh-sungguh dan tidak mementingkan diri serta sanggup mengorbankan nyawa.

Dr Mahathir berkata dalam usia 54 tahun, Umno mencapai banyak kejayaan yang tidak pernah dicapai dalam sejarah orang Melayu tetapi kejayaan ini masih rapuh.

"Jika disentuh sedikit ia mungkin retak, pecah berkecai. Apabila ia pecah, percayalah, orang Melayu akan roboh bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata kesinambungan tamadun Melayu yang dibangunkan oleh Umno bergantung kepada sikap dan gerak-geri setiap anggota dan pemimpin parti itu.

"Maka adalah penting kita tentukan anggota dan pemimpin Umno tidak berlagak sebagai pewaris Umno yang merebut-rebut tempat dan pangkat, tetapi sebagai pemaju dan pembangunan yang sama semangat dan dedikasi dengan pengasas-pengasas Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedar usaha Umno untuk membanteras amalan rasuah dan politik wang dalam parti itu akan digunakan oleh parti lawan sebagai bukti Umno sudah diselubungi rasuah.

Katanya masalah rasuah dalam parti itu tidaklah seburuk yang digambarkan oleh parti lawan kerana anggota Umno masih anggap rasuah sebagai jenayah dan berasa malu untuk melakukannya.

"Keadaan masih boleh dipulih, insya-Allah. Tetapi jika sesuatu keburukan hendak ditangkis ia mestilah dibuat sebelum ia merebak dan menjadi sebahagian daripada budaya kita," katanya.

Dr Mahathir berkata jika Umno menerima rasuah sebagai amalan biasa,

parti itu kemungkinan mendapat Presiden dan Perdana Menteri yang membeli jawatan secara haram.

Katanya banyak negara yang mencapai kemerdekaan tidak dapat dibangunkan sama sekali kerana barisan pemimpinnya mencuri wang kerajaan dan menyimpannya di luar negara.

"Umno masih boleh menunaikan janji kepada rakyat, kepada bangsa bangsa Melayu dan Bumiputera lain serta kepada agama dan negara," kata Dr Mahathir disambut tepukan perwakilan.

Beliau mengajak anggota parti itu mengekalkan prestasi di samping mengambil langkah membersihkan lagi Umno daripada segala amalan buruk termasuk rasuah.

Katanya: "Kita baru sahaja maju sedikit. Kita belum selamat. Penjajah menanti. Sudah ada pengkhianat bangsa yang akan menyokong mereka untuk menjajah kita semula. Adakah kerana sedikit duit, kerana hendak tempat maka kita sanggup menjual bangsa dan negara kita?"

Dr Mahathir berkata jika perjuangan Umno hendak diteruskan, pembaharuan dalam parti itu hendaklah dibuat generasi muda manakala generasi tua perlu sedia memberi tempat kepada golongan muda ini.

Dr Mahathir berkata penerimaan kemasukan lebih awal anggota dan pemimpin yang muda akan menentukan mereka dapat menghayati perjuangan parti.

Bagaimanapun, katanya, jika orang yang tidak berkebolehan menjadi pemimpin Umno, ia boleh menjurus kepada kegagalan kerajaan pimpinan parti berkenaan.

"Akibat daripada kepimpinan Umno yang tidak berupaya ialah kehancuran negara. Dengan kata lain, Umno mestilah dipelihara kerana Umno sahajalah yang mempunyai dasar dan pendekatan yang boleh memajukan negara serta memulih dan menebus maruah bangsa dan negara yang telah hancur selama 450 tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata tidak ada sesiapa berhak menyekat orang Melayu daripada menyertai Umno dan menyifatkan sesiapa yang berbuat demikian sebagai mengkhianati parti itu dan juga masa depan orang Melayu.

Menyentuh cadangan penubuhan Puteri Umno, Dr Mahathir berkata ia bukanlah kerana wujud sekatan terhadap kemasukan generasi muda di kalangan wanita ke dalam Pergerakan Wanita Umno.

"Parti amat terhutang budi kepada Pergerakan Wanita dan parti tidak sama sekali berhajat melemahkan wanita dengan penubuhan Puteri," katanya.

Mesyuarat itu kemudiannya berlangsung secara tertutup.

-- BERNAMA

MAM ZS MAI